



“ZIKRULLAH MEMBENTUK AKHLAK, MERUBAH KEHIDUPAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ
اللَّهِ أَفَلَا يَذْكُرُ اللَّهُ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.



Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa kerana taqwa merupakan TONGGAK keinsanan yang akan menjadikan seorang manusia itu mendapat penilaian utama dan muktamad dari Allah SWT. Taqwa akan menjadikan seseorang insan Muslim sentiasa di muliakan oleh Allah SWT. Marilah kita istiqamah melaksanakan segala syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, demi mengharap keredhaan Allah SWT agar kita sentiasa beroleh keberkatan dan kejayaan samada di dunia mahupun di akhirat nanti, insyaAllah.

Sidang Jumaat Yang Di Rahmati Allah,

Tajuk khutbah hari ini ialah "**ZIKRULLAH MEMBENTUK AKHLAK – MERUBAH KEHIDUPAN**".

Zikrullah ialah mengingati Allah dengan lisan dan perbuatan secara zahir mahu pun batin. Dengan berzikir kepada Allah, kita sentiasa melakukan perhubungan kepada Allah SWT. Ini memang merupakan satu daripada ciri orang bertaqwa. Skop zikir amatlah luas. Ianya meliputi segala perbuatan zahir mahupun batin selagi ditujukan kepada mengingati Allah. Termasuklah bila kita menyebut nama Allah SWT secara khusus, melakukan solat wajib dan sunat terutama solat sunat di waktu selepas satu pertiga malam, berpuasa, berzakat, membaca al-Quran, menuntut ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah, berdoa, tidak melakukan maksiat, bekerja untuk mencari pendapatan yang halal dan merenung serta memikirkan pelbagai kejadian Allah SWT disamping mengucapkan sesungguhnya segala kejadian ini adalah ciptaan Allah SWT yang maha besar.

Firman Allah SWT dalam surah ali Imran ayat 191:



الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ
وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ
هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩٦﴾

“(laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka”.

Sidang Jumaat sekalian,

Amalan berzikir mempunyai adab. Antaranya menyebut lafaz zikir seperti contoh “Lailaha Illa Allah” dan lain-lainnya dengan betul, berzikir dalam keadaan hati dan perasaan yang bersih dan suci. Ketika berzikir pula kita dapat merasakan keagungan, kebesaran, kekuasaan dan kehebatan Allah SWT. Disamping itu kita hendaklah melakukan zikir dengan suara yang perlahan sekadar didengari oleh si penzikir sendiri. Berzikir dengan menyebut lafaz-lafaz yang terdapat dalam al-Quran atau as-Sunnah. Adab-adab ini perlu dilakukan supaya kita mampu menzahirkan akhlak yang mulia dan berdisiplin ketika berzikir bagi mencapai kesempurnaan dalam berzikir selaras dengan sunnah Rasulullah SAW. Dengan demikian insya-Allah amalan berzikir akan diterima oleh Allah SWT.

Bagaimanakah zikir yang dilakukan mampu membentuk akhlak?. Jawapannya amat mudah. Bukankah seseorang yang berzikir ia sedang



mengingat Allah. Jika ia mengingat Allah bermakna ia juga mengingat segala perintah dan syariat yang ditetapkan oleh Allah. Akhlak dan tatakelakuan seseorang yang ingat dan takutkan Allah sudah tentu tidak sanggup melakukan apa-apa sahaja perkara yang bertentangan dengan perintah-Nya. Inilah yang telah diamalkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat Rasulullah SAW dan mereka yang cintakan Allah dan Islam. Keadaan ini akan kita temui apabila kita sering menelusuri bahan sejarah kehidupan Rasulullah SAW serta para sahabat dan mereka yang bertaqwa.

Apabila seseorang itu sentiasa mengingati Allah SWT maka ia akan yakin dengan segala ketetapan yang ditentukan oleh Allah SWT. Ini akan menjadikan mereka jujur, amanah, bertanggungjawab, berdisiplin, sentiasa mengutamakan nilai mulia ketika berkomunikasi dengan masyarakat seperti, sabar, belas kasihan dan menyayangi setiap manusia dan segala jenis makhluk yang ada di dunia. Lantaran itu, seorang yang sentiasa berzikir akan merasa dan menikmati ketenangan yang menyebabkan mereka mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang hamba yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah SWT. Maka sudah pasti akhlak baik akan terbentuk. Jika mereka sentiasa berzikir tetapi pada masa yang sama masih melakukan pelbagai kemungkaran, maka sudah pasti ada sesuatu yang tidak kena pada diri mereka. Maka sesuatu perlu dilakukan, perlu ada muhasabah atau penilaian demi mencari puncanya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Apabila akhlak yang baik telah terbina maka insya-Allah kehidupan akan berubah kepada yang lebih baik dan selaras dengan kehendak syariat Islam. Kerana antara kesan yang bakal diperolehi oleh mereka yang sering berzikir ialah; ALLah SWT akan melindungi mereka daripada perkara yang



dibenci oleh-Nya. Mereka juga akan dapat mengawal nafsu supaya sentiasa melakukan perkara yang baik sahaja. Disamping itu mereka akan dapat mengawal diri daripada godaan iblis dan syaitan. Orang yang sentiasa berzikir akan dapat menghidupkan hati dan insyaAllah akan terhindar daripada lalai dan leka, kerana hati si penzikir akan sentiasa redha, qanaah dan merasa cukup dengan segala apa jua rezeki dan ketentuan yang telah diberikan oleh Allah SWT.

Zikir boleh dilakukan dengan pelbagai cara kecuali di tempat yang di larang seperti dalam tandas. Seseorang yang berzikir pula tidak semestinya perlu meninggalkan urusan harian sehingga menjejaskan pencarian sumber rezeki untuk keperluan kehidupan. Malahan mereka masih boleh berada dalam suasana berzikir walaupun di ketika menjalankan urusan seharian. Inilah kefahaman yang perlu diperbetulkan supaya kehidupan seorang Muslim sentiasa dalam keadaan mengingati Allah demi mencapai keredhaan Allah SWT.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Menelusuri khutbah pada hari ini maka umat Islam disarankan agar;

1. Sentiasa mengingati Allah, Allah pasti mengingati kita, oleh itu ingatlah Allah.
2. Amalkanlah zikir-zikir harian dan jadikan zikir-zikir sebagai amalan harian setiap ketika dan semasa.
3. Carilah ketenangan dengan melaksanakan zikir dan ketaatan kepada Allah SWT.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
فَاذْكُرُونِي أَذْكَرْكُمْ وَأَشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

"Kerana itu, ingatlah kamu kepada-Ku niscaya Aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat) –Ku".

(al-Baqarah- 152).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ
وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَان شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاَحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.